

# Raya tahun depan lebih meriah: Abdullah

KEPALA BATAS, Jumaat — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, hari ini menyatakan penghargaan beliau kepada Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kepala Batas yang berjaya mengatur perjumpaan Hari Raya yang meriah dan menyampaikan bantuan kepada yang memerlukan-nya.

Datuk Abdullah berkata pada tahun depan setiap perjumpaan Hari Raya hendaklah diadakan secara lebih meriah dan berkesan.

Beliau menyatakan ini ketika berucap di perjumpaan Hari Raya anjuran Pergerakan itu di Sekolah Menengah Daeratul Maarif Al-Wataniah semalam.

Datuk Abdullah berkata, bantuan yang diberikan kepada kanak-kanak Taman Bakti anak-anak ahli Umno dan penduduk adalah pemberian Persatuan Isteri-Isteri Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen (Bakti).

Isteri beliau, Datin Henden Datuk Mohd Nor menyampaikan bantuan duit Hari Raya dan pakaian.

Persembahan nasyid dan nyanyian beramai-ramai menyerikan majlis itu.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian, Puan Radziah Hasan berkata, perjumpaan ini akan diadakan setiap tahun sebagai acara tradisi menyambut Hari Raya serta menyampaikan bantuan kepada pihak yang kurang bernasib baik.



Datuk Abdullah  
Badawi

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia